

02/02/2002

Kawalan paling ketat bagi 3,000 delegasi WEF

Hishammuddin Aun

NEW YORK, Jumaat - Forum Ekonomi Dunia (WEF) Ke-31 bermula di sini semalam, dengan Amerika Syarikat menyerlahkan tafsirannya terhadap tema persidangan 'Kepemimpinan Pada Waktu Sukar: Satu Wawasan Untuk Perkongsian Masa Depan' menerusi bentuk kawalan keselamatan yang diharapkannya diteladani dunia.

Dengan kebanyakan daripada lebih 40 ketua kerajaan asing dijadualkan tiba esok, kawalan dipertingkatkan, termasuk menutup sebahagian besar kawasan elit timur Manhattan - tempat berlangsung persidangan di Hotel Waldorf-Astoria - kepada lalu lintas dan larangan terbang di ruang berukur keliling dua batu nautika sehingga ketinggian 18,000 kaki.

Berbanding kelmarin, jumlah anggota polis yang berkawal digandakan di setiap persimpangan dan jalan masuk menghala ke dewan persidangan dan hotel penginapan tetamu asing yang disifatkan penganjur sebagai 'perhimpunan minda-minda terbaik untuk menyelesaikan pelbagai masalah terburuk dunia'.

Senarai 3,000 pesertanya turut mengandungi ketua pegawai eksekutif lebih 1,100 syarikat terutama dunia yang membayar AS\$25,000 (RM950,000) sebagai yuran tahunan dan AS\$6,000 (RM22,800) untuk menyertai persidangan selain penginapan bernilai sehingga AS\$600 (RM2,280) sehari.

Ini adalah kali pertama persidangan berkenaan berlangsung di luar lokasi tradisinya di Davos, Switzerland hingga ia dilihat peserta dan pengkritik sebagai 'kad keahlian kelab elit politik dan ekonomi global'.

WEF yang berpangkalan di Geneva memutuskan untuk mengalihkan persidangan ke New York selepas kerajaan Switzerland enggan menanggung kos terlalu besar bagi kawalan keselamatan berikutan tragedi serangan 11 September selain untuk mencerminkan perpaduan dan simpati antarabangsa terhadap sebuah bandar raya yang masih bermurung.

Bagi mengimbangi persepsi ramai, penganjur juga mengundang 40 pemimpin keagamaan, 40 pemimpin kesatuan sekerja dan 200 pakar pelbagai pertubuhan 'think tank' dan pusat akademik bagi mendebatkan pelbagai isu daripada pemanasan global, kemelesetan ekonomi hingga kepada ancaman keganasan.

Pihak berkuasa tempatan juga mengeluarkan permit kepada pelbagai kumpulan penunjuk perasaan menentang globalisasi, antaranya Rally For Global Justice, WEF Countersummit, Falun Gong dan Act Now To Stop War And End Racism (ANSWER).

Di sebalik persidangan berkenaan dilihat sesetengah pihak sudah berubah imej daripada mesyuarat tokoh perniagaan semata-mata kepada forum isu semasa yang mendesak, agak malang Presiden George W Bush tidak menghadirinya, sebaliknya memberi laluan kepada Setiausaha Negara, Colin Powell, dan Setiausaha Perbendaharaan, Paul O'Neill.

Antara ketua negara asing yang turut serta ialah Canselor Jerman, Gerhard Schroeder, Perdana Menteri Australia, John Howard, Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien, Perdana Menteri Persekutuan Russia, Mikhail Kasyanov, dan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan tiba esok disenaraikan antara teratas di kalangan pemimpin Asia yang turut diwakili ketua-ketua kerajaan Bahrain, Jordan, Filipina, Qatar dan Sri Lanka.

Perdana Menteri adalah seorang daripada tiga ketua negara asing yang dijadualkan menyampaikan perutusan Ahad ini selain Andres Pastrana dan Alejandro Toledo, masing-masing dari Colombia dan Peru. Dr Mahathir akan berucap mengenai peranan Islam di negara moden.

"Adalah jelas bahawa agama mempunyai pengaruh amat besar dalam membentuk masyarakat di seluruh dunia sambil kita berusaha menangani pelbagai cabaran terhadap agenda global," pengasas dan Presiden WEF, Klaus Schwab, dipetik sebagai berkata.

"Ketika kami merancang persidangan ini tidak lama selepas serangan 11 September dan kebimbangan terhadap antraks masih berleluasa, tidak langsung terlintas penyertaannya akan seramai ini.

"Ia membuktikan anggota WEF berasakan persidangan ini adalah penting dan perlu dengan mengambil kira perkembangan semasa," kata Pengarah Urusan WEF, Donna Redel.

Schwab menyimpulkannya dengan berkata, pemimpin politik dan perniagaan kini lebih prihatin terhadap kerapuhan masyarakat dan ekonomi dunia terhadap pelbagai bentuk serangan.

(END)